

23/06/2001

Kerajaan akan terbit bon kedaulatan

KERAJAAN akan menerbitkan bon kedaulatan tidak lama lagi untuk membiayai projek pembangunan kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan berkata, adalah biasa bagi kerajaan menerbitkan bon kedaulatan untuk membiayai projek pembangunan.

Tanpa menyatakan jumlah terbitan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan sentiasa menerbitkan bon kedaulatan kerana negara mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian.

"Saya sudah menerima laporan menyatakan bahawa keadaan kewangan kerajaan sangat baik, justeru, kita masih boleh meminjam tanpa menjejaskan keupayaan untuk membayar pinjaman itu pada masa depan," katanya.

Kenyataan Perdana Menteri itu sekali gus menepis dakwaan penganalisis pasaran bahawa kerajaan terpaksa menerbitkan bon kedaulatan untuk menokok rizab negara yang semakin menyusut bagi menampung tambatan tetap ringgit dengan mata wang dolar Amerika.

Sehingga 15 Mei lalu, rizab negara dilaporkan berada sekitar AS\$25 bilion berbanding sekitar lebih AS\$30 bilion pada awal tahun.

Penyusutan mata wang serantau berbanding dolar Amerika menyebabkan lebih banyak rizab negara perlu digunakan untuk menampung tambatan tetap itu. Ringgit masih ditambat pada kadar AS\$1 bersamaan RM3.80 sejak langkah kawalan modal berpilih diperkenalkan pada 1 September 1998.

Kerajaan dijangka menerbitkan bon kedaulatan 10 tahun sebanyak AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) meskipun banyak kebimbangan timbul dalam pasaran kebelakangan ini berkaitan keupayaan kredit Malaysia kerana masih mengamalkan kawalan modal.

(END)